KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	07/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	JMG			

Teroka Gua Kelam secara maya

Utusan 7.12.2021_30

PADANG BESAR: Perlis terus memperhebatkan aktiviti pelancongan di negeri ini dengan terbaharu memperkenalkan perkhidmatan penerokaan gua secara realiti maya (VR) di Gua Kelam di sini sekali gus menjadi tarikan baharu kepada para pengunjung.

Menariknya, penerokaan gua secara VR itu adalah yang pertama di negara ini dan kedua di Asia Tenggara.

Setiausaha Kerajaan negeri, Azman Mohd. Yusof berkata, pelancaran perkhidmatan Gua Kelam VR itu bakal memberi pengalaman baharu kepada pengunjung.

Katanya, penerokaan gua secara VR itu adalah yang pertama di negara ini dan kedua di Asia Tenggara selepas sebuah gua di Vietnam turut menawarkan perkhidmatan sama.

"Penerokaan gua secara VR ini adalah hasil kerjasama Jabatan Perhutanan negeri dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin yang membuktikan kita mampu menghasilkan sesuatu yang menakjubkan.

"Apa yang membanggakan adalah kepakaran dan tenaga muda tempatan mampu menghasilkan produk terbaik berbanding Gua Son Doong, Vietnam yang mendapat kerjasama National Geographic, sebuah agensi ternama dalam pembangunan penerokaan gua secara VR itu," katanya selepas selepas merasmikan program Digital Entertainment: Eksplorasi Gua Kelam II Secara Virtual Reality di sini, semalam.

Tambahnya, produk pelancongan itu mampu memberi peluang kepada lebih ramai orang terutama mereka yang takut atau gerun memasuki gua secara fizikal untuk merasai pengalaman seperti berada di dalam gua.

Katanya, kerajaan negeri turut melihat potensi beberapa lagi lokasi menarik seperti di kawasan hutan, bukit-bukau atau sungai untuk dilawati menggunakan teknologi VR.



AZMAN Mohd. Yusof merasai sendiri pengalaman penggunaan VR di Gua Kelam, Padang Besar, Perlis, semalam. - UTUSAN/SYED AZLAN HIZAR